



Pilih jawapan yang betul.

1. Saya dan Karim tinggal berjiran. (Kami , Kita) berjalan kaki ke sekolah bersama-sama.
2. Pencuri itu telah ditangkap oleh polis. (Beliau , Ia) akan dihadapkan ke mahkamah.
3. "(Aku , Saya) mahu kamu semua menjaga keselamatan diri dan mengikut SOP apabila sekolah dibuka nanti," kata guru besar.
4. "Mengapakah (kamu , anda) tidak hadir ke sekolah semalam?" tanya Cikgu Zuraini.
5. Sultan Terengganu yang baru ditabalkan itu berjiwa rakyat. (Beta , Baginda) amat disayangi oleh rakyat jelata.



Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang sesuai.

saya

kalian

kita

kami

mereka

1. " _____ mestilah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menang," kata jurulatih kepada pasukan bola keranjang.
2. Dua orang budak itu bermain di bawah pokok. _____ bermain dengan gembira.
3. " _____ ingin menyertai lawatan itu," kata Rosli dan Liza kepada ibu mereka.
4. "Cikgu, _____ terlupa membawa buku tulis Bahasa Melayu," kata Mei Li kepada Cikgu Nancy.
5. Sebagai anak, _____ mestilah menghormati orang yang lebih tua.